

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

**REFLEKSI CORT 4 DALAM KEMAHIRAN BERFIKIR
ARAS TINGGI (KBAT) MENERUSI PENULISAN
KARANGAN TIDAK BERFORMAT BAHASA MELAYU**

**CORT 4 REFLECTION IN HIGHER-ORDER
THINKING SKILLS (HOTS) THROUGH
UNFORMATIZED MALAY LANGUAGE ESSAY
WRITING**

**Mona Mohamad Aini ¹; Anida Sarudin*²;
Mohd Sufian Ismail ³; Nik Mat Pelet ⁴**

¹ Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: monamohamadaini@gmail.com

² Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: anida@fbk.upsi.edu.my

³ Department of Malay Studies, Malaysian Institute of Teacher Education Ipoh Campus, Malaysia.

Email: sufian@ipgmipoh.edu.my

⁴ Department of Malay Studies, University of Technology Mara, Malaysia.

Email: nikmat@uitm.edu.my

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/316>

Abstract

This study aims to identify aspects of higher-order thinking skills based on the CoRT device through the writing of Form 3 students' essays. The problems that arise among students, namely the weaknesses of students in mastering higher-order thinking skills based on CoRT 4 in producing critical and excellent essay writing, made the researcher interested in conducting research. This study applies Krathwohl's Affective Domain Theory to describe students' higher-order thinking skills through their attitudes in the perspective of Krathwohl's Affective Domain Theory and is also linked to Albert Bandura's Social Cognitive Theory to describe CoRT reflection through essay writing. This study involved 60 Form 3 students at Sekolah Menengah Kebangsaan TTDI Jaya, Shah Alam, Selangor as the study sample. For this study, data was analyzed using descriptive qualitative methods, namely using the Statistical Package For Social Science (SPSS) software to describe the effects of the experiment conducted on the respondents. The results of the study show that the aspect of higher-order thinking skills based on the CoRT device through essay writing is higher in frequency value at Cort 4. In addition, the students' higher-order thinking skills through their attitudes in the perspective of Krathwohl's Affective Domain Theory are more oriented towards the attitude of responding. Meanwhile, the reflection of CoRT through essay writing based

on Albert Bandura's Social Cognitive Theory is at a positive acceptance level, which involves the aspect of motor reproduction. Through this study, the researcher can prove that the students of 3 Lambda and 3 Zeta have the potential to produce good and thoughtful essay writing.

Keywords: KBAT, CoRT 4, Affective Domains, Social Cognitive, Students

Abstrak

Abstrak hendaklah 100-250 patah perkataan, termasuk matlamat/objektif, metodologi, keputusan, dan kesimpulan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti aspek kemahiran berfikir aras tinggi berdasarkan peranti CoRT menerusi penulisan karangan murid Tingkatan 3. Permasalahan yang timbul dalam kalangan murid, iaitu kelemahan murid dalam menguasai kemahiran berfikir aras tinggi berdasarkan CoRT 4 dalam menghasilkan penulisan karangan yang kritis dan cemerlang menjadikan pengkaji tertarik untuk menjalankan penyelidikan. Kajian ini mengaplikasikan Teori Domain Afektif Krathwohl bagi menghuraikan kemahiran berfikir aras tinggi murid menerusi sikap mereka dalam perspektif aras Teori Domain Afektif Krathwohl dan juga dikaitkan dengan Teori Kognitif Sosial Albert Bandura bagi menghuraikan refleksi CoRT menerusi penulisan karangan. Kajian ini melibatkan 60 orang murid Tingkatan 3 di Sekolah Menengah Kebangsaan TTDI Jaya, Shah Alam, Selangor sebagai sampel kajian. Bagi kajian ini, data dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif deskriptif, iaitu menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS) untuk menghuraikan kesan daripada eksperimen yang dijalankan ke atas responden. Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek kemahiran berfikir aras tinggi berdasarkan peranti CoRT menerusi penulisan karangan adalah lebih tinggi nilai kekerapannya pada Cort 4. Selain itu, kemahiran berfikir aras tinggi murid menerusi sikap mereka dalam perspektif aras Teori Domain Afektif Krathwohl adalah lebih menjurus kepada sikap tanggapan (*responding*). Manakala, refleksi CoRT menerusi penulisan karangan berdasarkan Teori Kognitif Sosial Albert Bandura adalah pada tahap penerimaan yang positif iaitu melibatkan aspek reproduksi motorik (*reproduction*). Melalui kajian ini, pengkaji dapat membuktikan bahawa murid-murid 3 Lambda dan 3 Zeta mempunyai potensi untuk menghasilkan penulisan karangan dengan baik dan bernas.

Kata Kunci: KBAT, Cort 4, Domain Afektif, Kognitif Sosial, Murid

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 27th October 2024, revised 30th November 2024, accepted 2nd January 2025

Pengenalan

KBAT atau *Higher Order Thinking Skills* (HOTS) didefinisikan sebagai keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya untuk mencipta sesuatu.

Menurut Rosnanaini Sulaiman et al. (2011), berfikir merupakan satu proses membina ilmu dan kefahaman yang melibatkan aktiviti mental dalam otak manusia. Otak manusia akan bertindak untuk memahami sesuatu maklumat yang diterima melalui deria, membentuk konsep, membuat tafsiran serta memberikan tindak balas berdasarkan pengalaman sedia ada dalam ingatan sewaktu berfikir. Selain itu, mengikut *The Penguin Dictionary of Psychology* (2011), berfikir merupakan manipulasi kognitif atau mental secara terselindung dengan idea, imej, simbol, perkataan, pernyataan, memori, konsep, persepsi, kepercayaan atau kehendak.

Isu Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) sering menjadi perbincangan dalam karangan guru bagi menilai pemikiran kritis dan kreatif murid menerusi penulisan karangan tidak berformat. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menganjurkan beberapa metodologi untuk mentaksir KBAT seperti *WH-Question*, Skala Ukuran yang telah dilaksanakan oleh KPM, dan juga beberapa bentuk *High Order of Thinking Skill* (HOTS) seperti Kemahiran Abad ke-21, Program *International Baccalaureate* (IB), Program *i-THINK* di sekolah. Namun, setelah dianalisis secara dilaksanakan unsur-unsur KBAT ini sering menjadi tumpuan yang tinggi dan tidak dinafikan bahawa elemen ini memiliki autentik yang hebat dalam kalangan pendidik (Khairulnuar Ismail et al., 2023). Oleh hal yang demikian, pengkaji hanya memfokuskan kepada skala CoRT 4, iaitu pemikiran secara kritis dan kreatif murid dalam menghasilkan karangan. Para guru juga telah mengambil pelbagai inisiatif untuk meningkatkan tahap penulisan karangan murid melalui *Six Thinking Hats*. Akan tetapi, teknik penerapan KBAT dalam karangan murid ini masih lemah untuk dikuasai dengan sebaiknya. Hal ini menimbulkan persoalan tentang bagaimana sesuatu konsep yang sukar boleh diterapkan dalam teknik penulisan karangan murid-murid di sekolah. Persoalan ini telah menarik perhatian pengkaji untuk meneliti skala CoRT 4 dalam kemahiran KBAT menerusi penulisan karangan tidak berformat Bahasa Melayu.

Latar Belakang

Kajian-kajian lepas yang telah dirujuk adalah kajian yang dijalankan dalam bidang kemahiran berfikir dan berkaitan bagi memperoleh data dan maklumat yang dapat menyokong kajian ini. Melalui kajian yang telah dijalankan oleh Nor Hasmaliza Hasan dan Zamri Mahamod (2016) dalam artikel yang bertajuk “Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi” yang telah dijalankan di daerah Kuala Terengganu. Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau persepsi guru bahasa Melayu di sekolah menengah harian di daerah Kuala Terengganu terhadap pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) menerusi aspek pemahaman, pengetahuan dan pelaksanaan KBAT dalam pengajaran Bahasa Melayu. Objektif bagi kajian ini adalah seperti mengenal pasti tahap pemahaman guru-guru Bahasa Melayu tentang KBAT, mengenal pasti tahap pengetahuan guru-guru Bahasa Melayu tentang KBAT, dan seterusnya mengenal pasti tahap pengajaran KBAT dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Reka bentuk kajian yang dipilih dan digunakan dalam kajian ini adalah menerusi kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Populasi dan sampel kajian terdiri daripada guru-guru Bahasa Melayu sekolah menengah daerah Kuala Terengganu di negeri Terengganu.

Seramai 226 orang guru Bahasa Melayu dijadikan sebagai sampel kajian. Kajian ini juga menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasikan daripada kajian yang dilakukan oleh Rajendran (2001) dan Yahya, iaitu berfikir dalam pengajaran Bahasa Melayu daripada perspektif guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan ($p < 0.05$) bagi dua
MJSSH 2025; 9(2)

aspek iaitu pengetahuan guru bahasa Melayu tentang KBAT dan pelaksanaan KBAT dalam pengajaran guru bahasa Melayu yang dipengaruhi oleh faktor tingkatan yang diajar. Hasil dapatan kajian mendapati guru-guru bahasa Melayu memberikan respons yang positif terhadap pelaksanaan KBAT. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menyatakan secara jelas mengenai kaedah kajian yang digunakan iaitu sama ada secara kualitatif mahupun kuantitatif. Hal ini akan menyebabkan pembaca akan berasa keliru terhadap kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji. Tambahan pula, kajian ini juga tidak menggunakan sebarang teori yang bersesuaian dikaitkan dengan topik kajian. Oleh hal demikian, pengkaji tidak dapat memberikan keterangan yang lebih jelas untuk difahami oleh setiap pembaca yang suka menggunakan pelbagai teori dalam penulisan mereka.

Seterusnya, kajian Hasnah Isnon dan Jamaludin Badusah (2017) yang bertajuk “Kompetensi Guru Bahasa Melayu dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran”. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kompetensi guru-guru Bahasa Melayu melaksanakan penerapan pemikiran aras tinggi dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Objektif bagi kajian ini adalah terdiri daripada dua objektif utama iaitu apakah tahap kompetensi guru-guru Bahasa Melayu dalam penerapan kemahiran berfikir aras tinggi berdasarkan aspek pengetahuan, pemahaman, dan sikap guru. Objektif yang kedua pula ialah apakah tahap kompetensi guru-guru Bahasa Melayu dalam penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kemahiran lisan, kemahiran bacaan dan kemahiran tulisan Bahasa Melayu. Kaedah penyelidikan kuantitatif digunakan untuk mendapatkan gambaran terhadap fenomena dalam pelaksanaan pemikiran aras tinggi yang mempunyai pelbagai aspek dan faktor yang perlu dikaji. Kuantitatif diperoleh menerusi soal selidik manakala data kuantitatif diperoleh menerusi temu bual yang dijalankan kepada responden guru. Kajian tinjauan juga dijalankan bagi mengenal pasti tahap kompetensi guru-guru Bahasa Melayu melaksanakan penerapan pemikiran aras tinggi dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Seramai 118 orang guru Bahasa Melayu dari 13 buah sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Putrajaya menjadi responden kajian.

Pengkaji juga telah menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Science Social* (SPSS) versi 22.0. Manakala, statistik deskriptif digunakan untuk menilai purata min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan bagi menentukan profil demografi kajian dan menentukan tahap kompetensi guru-guru Bahasa Melayu. Hasil kajian menunjukkan tahap kompetensi guru dari aspek pemahaman (min = 3.60) dan aspek pengetahuan (min = 3.35) berada pada tahap sederhana, manakala sikap guru-guru Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi (min = 3.61) dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi. Kesemua kemahiran menunjukkan penerapan kemahiran aras tinggi yang tinggi bagi kemahiran bahasa iaitu sebanyak, kemahiran bertutur (min = 3.75), kemahiran bacaan (min = 3.83) dan kemahiran tulisan (min = 3.75). Hasil kajian menunjukkan bahawa pemahaman dan pengetahuan guru perlulah ditingkatkan. Hasil kajian ini juga dapat memberi input yang bermanfaat mengenai tahap kompetensi guru-guru Bahasa Melayu dalam penerapan pemikiran aras tinggi di Putrajaya. Namun, kajian ini mempunyai kelemahan dari segi penggunaan kata yang tidak bersesuaian pada objektif kajian. Pengkaji telah menggunakan perkataan seperti ‘apakah’ sebagai kata kunci. Hal ini sewajar digantikan dengan kata kunci yang bersesuaian pada bahagian objektif iaitu beberapa perkataan seperti mengenal pasti, menganalisis, dan sebagainya. Perkataan ‘apakah’ yang digunakan oleh pengkaji pada bahagian objektif ini adalah lebih sesuai digunakan pada bahagian persoalan kajian.

Selain itu, kajian oleh Marzni Mohamed Mokhtar, Fadzilah Amzah dan Rohizani Yaakub (2018) dalam kajiannya yang bertajuk “Cabaran Guru Bahasa Melayu dalam Usaha Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc): Penulisan Karangan Argumentatif”. Kajian ini adalah berfokuskan kepada cabaran yang perlu digalas oleh guru dalam merencanakan usaha dalam menerapkan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif. Objektif bagi kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti cabaran guru Bahasa Melayu di sekolah menengah dalam melaksanakan penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes kualitatif bagi memahami dengan jelas tentang cabaran guru Bahasa Melayu di sekolah menengah melaksanakan penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif. Sampel kajian ini melibatkan seramai dua orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di Tingkatan Empat yang mengajar di sekolah di Selangor. Kedua-dua guru ini juga dipilih sebagai pakar rujuk dalam kajian. Proses pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan tiga teknik utama, iaitu temu bual secara mendalam, pemerhatian di dalam bilik darjah dan penganalisisan dokumen iaitu karangan argumentatif yang dihasilkan oleh murid.

Semua data telah dianalisis dengan menggunakan teknik analisis tematik, iaitu bertujuan membina kriteria dan tema yang relevan untuk menjawab soalan kajian. Menurut Ismail et al. (2024), Ismail, Sarudin, Abu Bakar, et al. (2024), Lamsah et al. (2023) dan Friese (2012), analisis tematik merupakan teknik yang sesuai untuk menjana tema bagi fenomena yang menarik dalam kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif mendatangkan cabaran kepada pengguna ilmu, iaitu murid. Guru-guru bersetuju bahawa penerapan unsur KBAT menjadi cabaran kepada murid dalam PdPc penulisan karangan argumentatif kerana murid perlu menguasai tatacara penulisan karangan, menghasilkan karangan KBAT, iaitu seiring dengan perubahan teknologi maklumat dan komunikasi serta persediaan masa hadapan murid. Namun demikian, kajian ini tidak menunjukkan sebarang perkaitan antara teori yang bersesuaian untuk dikaitkan dengan kajian. Siti Hajar Abdul Rauf (2015) dan Bahaudin (2023) menyatakan bahawa memilih teori yang sesuai untuk diaplikasikan ke dalam kajian adalah suatu perkara yang sukar. Hal ini kerana, teori adalah bersifat abstrak dan sukar diukur. Namun begitu, Siti Hajar Abdul Rauf (2015) menyatakan bahawa dalam kajian sains sosial teori memainkan peranan yang sangat penting untuk memberi penjelasan, ramalan dan kesimpulan menyeluruh mengenai sesuatu kajian yang dilakukan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif. Menurut Norfishah Mat Rabi (2023), Creswell (2018) dan Timmermans & Tavory (2012), kajian kualitatif adalah kajian yang menggunakan kaedah yang saintifik dalam mengumpul data bukan berbentuk nombor atau *non-numerical*. Kajian ini lebih tertumpu kepada pendekatan yang berbentuk kualitatif deskriptif. Kajian kualitatif yang dijalankan merupakan kaedah pemerhatian. Pemerhatian merupakan proses meneliti situasi atau kejadian secara kritikal (Upreti et al., 2020). Pemerhatian sesuai digunakan bagi mengamati tingkah laku murid berdasarkan aspek yang dikenal pasti, iaitu Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) murid dalam menghasilkan penulisan karangan berdasarkan skala CoRT 4. Kaedah pemerhatian yang dijalankan ini adalah berfokuskan kepada pemerhatian tidak berstruktur. Pengkaji hanya akan menentukan fokus terhadap respon murid dalam memberikan hujah dan idea dalam penulisan ujian karangan yang diedarkan. Pemerhatian ini juga tertumpu

kepada tahap penulisan murid mengikut skala CoRT dan tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang terlibat. Populasi kajian ini adalah murid-murid Tingkatan 3 Lambda dan 3 Zeta di Sekolah Menengah Kebangsaan TTDI Jaya, Selangor, iaitu seramai 60 orang murid sahaja. Kaedah persampelan yang digunakan bagi kajian ini adalah melalui kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kaedah persampelan bertujuan digunakan kerana kajian ini hanya memfokuskan pada analisis tahap pemikiran kritis dan kreatif murid Tingkatan 3 dalam penulisan karangan tidak berformat Bahasa Melayu di dalam kelas.

Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data kajian ialah melalui satu set soal selidik bagi memperoleh maklumat daripada responden berdasarkan kajian kualitatif ini. Data dan maklumat yang diperolehi melalui soal selidik adalah lebih tepat. Dalam Saldana (2016), Bowen, (2009), Kalpokas & Radivojevic (2022) dan Braun & Clarke (2021), kaedah yang digunakan ini dapat menjimatkan kos, masa dan senang untuk mendapatkan kerjasama daripada responden serta dapat menghasilkan item-item yang konsisten dan boleh dipercayai. Soal selidik ini direka bentuk berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian. Pengkaji juga menggunakan borang senarai semak dalam kajian yang bertujuan untuk menjawab soalan objektif yang pertama yang dikemukakan oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah analisis kandungan untuk menghuraikan dapatan yang diperolehi daripada kajian soal selidik yang telah diedarkan kepada responden kajian. Pada masa yang sama, terdapat dua teori yang digunakan dalam kajian ini iaitu Teori Domain Afektif Krathwohl dan juga Teori Kognitif Sosial Albert Bandura. Selain itu, skala CoRT 4 digunakan sebagai rujukan utama menerusi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Bagi memastikan kebolehpercayaan terhadap alat yang digunakan, pengkaji telah menunjukkan dan berbincang dengan pensyarah penyelia. Pensyarah yang menyelia pengkaji juga telah mencadangkan aspek item soalan agar ia lebih memfokuskan kepada objektif kajian. Oleh itu, pengkaji telah menyediakan sebanyak 30 item soalan yang menggunakan skala likert bagi mendapatkan data kajian. Seramai seorang pensyarah menyemak soalan kajian dalam bidang.

Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini akan membincangkan objektif kajian yang dibangunkan dalam kajian ini. Dapatan kajian diperjelaskan dalam setiap objektif yang disediakan.

Objektif 1: Mengenal pasti aspek kemahiran berfikir aras tinggi berdasarkan peranti CoRT menerusi penulisan karangan murid.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga pecahan kekerapan dan peratusan skala CoRT yang tertinggi berdasarkan respons setiap responden berdasarkan kajian soal selidik yang telah dilaksanakan. CoRT 4 mencatatkan kekerapan yang tertinggi iaitu sebanyak 6 kali kekerapan daripada 10 kekerapan pada bahagian B ini. Seterusnya, CoRT 1-pula mencatatkan kekerapan sebanyak 3 kali kekerapan daripada keseluruhan kekerapan. Manakala, CoRT 2 hanya mencatatkan sekali sahaja kekerapan pada soalan yang telah dikemukakan pada soalan bahagian B. CoRT 4 adalah melibatkan argumen berfikir kritis dan kreatif, CoRT 2-pula adalah melibatkan keluasan berfikir murid, dan CoRT 2 adalah melibatkan organisasi berfikir murid.

Objektif 2: Menghuraikan kemahiran berfikir aras tinggi murid menerusi sikap mereka dalam perspektif aras Teori Domain Afektif Krathwohl.

Hasil dapatan bagi objektif kedua pula, pengkaji telah menyenaraikan beberapa pecahan dan kekerapan bagi aspek domain afektif yang kerap kali diterapkan antaranya seperti aspek tanggapan (*responding*) yang mencatatkan kekerapan tertinggi iaitu sebanyak 5 kali, penerimaan (*receiving/attending*) pula mencatatkan kekerapan sebanyak 4 kali, karakterisasi (*characterization*) dan juga pengorganisasian (*organization*) yang hanya mencatatkan kekerapan sebanyak sekali sahaja daripada 10 kali kekerapan keseluruhan. Analisis yang dicatatkan ini adalah bersesuaian dengan situasi dan keadaan murid-murid dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi ini. Analisis menunjukkan bahawa murid-murid ini lebih kepada proses tanggapan dalam memberikan pandangan (*responding*) mereka terhadap penerapan elemen kemahiran berfikir aras tinggi ini dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mereka di dalam kelas.

Objektif 3: Menghuraikan refleksi CoRT menerusi penulisan karangan berdasarkan Teori Kognitif Sosial Albert Bandura.

Pada hasil dapatan objektif ketiga, pengkaji mendapati bahawa keseluruhan daripada data yang diperoleh mencatatkan penerimaan positif murid-murid terhadap refleksi CoRT menerusi penulisan karangan mereka. Hal ini dapat dibuktikan bahawa sebanyak 280 kali kekerapan “Setuju” yang dicatatkan daripada keseluruhan soalan iaitu sebanyak 10 soalan pada bahagian D ini. Seterusnya, diikuti pula oleh kekerapan bagi “Sangat Setuju” yang mencatatkan kekerapan sebanyak 261 kali kekerapan daripada sepuluh soalan ini. Namun, hanya sekali sahaja kekerapan yang dicatatkan pada keputusan “Sangat Tidak Setuju”. Hal ini jelas menunjukkan bahawa skala CoRT yang difokuskan dalam kajian ini adalah tidak terlalu kritikal untuk diasah dalam kemahiran menulis karangan oleh murid-murid.

Kesimpulan

Tuntasnya, kajian ini melihat kepada bagaimana perkembangan aras pemikiran murid-murid menerusi pemahaman mereka dalam menghasilkan penulisan karangan yang baik dan cemerlang berdasarkan nilai CoRT yang telah difokuskan iaitu CoRT 4. Selain itu, skala CoRT ini juga dilihat sebagai satu alat yang penting dalam pembelajaran Bahasa Melayu oleh guru di setiap sekolah. Pengkaji juga mempunyai harapan agar penerapan KBAT dalam penulisan karangan tidak berformat ini terus diaplikasikan dalam kalangan murid.

Rujukan:

- Bahaudin, S. N. S. (2023). Analisis Kata Sendi Nama “Di” dan “Dalam” dalam Penulisan Karangan Pelajar Tingkatan 4. *Jurnal Pengajian Melayu*, 34(1), 126–144. <https://doi.org/10.22452/JOMAS.vol34no1.7>
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>

- Braun, V., & Clarke, V. (2021). To saturate or not to saturate? Questioning data saturation as a useful concept for thematic analysis and sample-size rationales. *Qualitative Research in Sport, Exercise and Health*, 13(2), 201–216. <https://doi.org/10.1080/2159676X.2019.1704846>
- Creswell, J. W. C. & J. D. (2018). Research Design Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches. In *Journal of Chemical Information and Modeling* (Fifth Edit, Vol. 53, Issue 9). SAGE Publications Asia-Pacific Pte. Ltd. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Friese, S. (2012). *Qualitative Data Analysis with ATLAS.ti*. SAGE Publications Ltd. <https://doi.org/10.4135/9781529799590>
- Hasnah Isnon, & Jamaludin Badusah. (2017). Kompetensi guru Bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 56-65.
- Ismail, M. S., Sarudin, A., & Tarmizi, M. H. M. (2024). Prosedur Analisis ATLAS.ti Bersistematik: Pembinaan Kata Kunci Utama Soalan Karangan Bahasa Melayu SPM. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 32(1). <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.1.03>
- Ismail, M. S., Sarudin, A., Abu Bakar, S., Mohd Nor, M., Ismail, M. F. R., & A Razak, M. F. H. (2024). Representasi Partikel Wacana “Lah” dalam Terjemahan Surah Yasin di Malaysia. In Ros Aiza Mohd Mokhtar, Farah Laili Muda @ Ismail, Latifah Abdul Latiff, & Nuruliza Roslan (Eds.), *Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami Kali KE-7 (i-STET) 2024* (pp. 150–159). Universiti Sains Islam Malaysia. <https://oarep.usim.edu.my/handle/123456789/24678>
- Kalpokas, N., & Radivojevic, I. (2022). Bridging the Gap Between Methodology and Qualitative Data Analysis Software: A Practical Guide for Educators and Qualitative Researchers. *Sociological Research Online*, 27(2), 313–341. <https://doi.org/10.1177/13607804211003579>
- Khairulanuar Ismail, Mior Ahmad Termizi Mior Idris, Mohd Sufian Ismail, & Mohd Faizul Hafiz A. Razak. (2023). Kecekapan Bertutur Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah Agama Tahfiz di Negeri Perak. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera Dan Budaya Melayu (RENTAS) 2023*, 78–84.
- Lamsah, N. H. N., Sarudin, A., & Ismail, M. S. (2023). Analisis Gaya Bahasa Figuratif dalam Novel “Bimasakti Menari” Teks Komponen Kesusasteraan Bahasa Melayu Tingkatan Lima. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(1), 2821–3173. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.1.3.2023>
- Marzni Mohamed Mokhtar, Rohizani Yaakub, & Fadzilah Amzah. (2018). Cabaran guru Bahasa Melayu dalam usaha menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) penulisan karangan argumentatif. *Jurnal Pendidikan Malaysia dalam Talian*, 2(2), 7-14.
- N.S Rajendran. (2017). *Pengajaran dan Penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Teori dan Amalan* (edisi pertama). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Nor Hasmaliza Hasan, & Zamri Mahamod. (2016). Persepsi guru Bahasa Melayu sekolah menengah terhadap kemahiran berfikir aras tinggi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 78-90.
- Norfishah Mat Rabi. (2023). *Penulisan Proposal Penyelidikan Ilmiah* (edisi ke-5). Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rauf, S. H. A. (2017). Dari teori ke indikator ukuran: kajian penilaian pembentukan jaringan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 9(1), 113–129. doi.org/10.22452/mjsa.vol11no1.6
- Rosnanaini Sulaiman, Maimun Aziz dan Mok Song Sang. (2011). *Kemahiran Berfikir*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Saldana, J. (2016). *Qualitative Coding The Manual Researchers for*. London: SAGE.
- Timmermans, S., & Tavory, I. (2012). Theory Construction in Qualitative Research. *Sociological Theory*, 30(3), 167–186. <https://doi.org/10.1177/0735275112457914>
- Upreti, R. R., Budrukhar, A., Upreti, U., Wadasadawala, T., Pathak, R., Misra, S., Gurrum, L., Kinhikar, R. A., & Deshpande, D. D. (2020). Coverage with dosimetric concordance index (CDCI): A tool for evaluating dosimetric impact of inter-observer target variability in brachytherapy. *Journal of Contemporary Brachytherapy*, 12(2), 160–165. <https://doi.org/10.5114/jcb.2020.94309>